

04 AUG 2001

Mahathir - Perodua

KEJAYAAN PERODUA BUKTI KEUPAYAAN RAKYAT MALAYSIA, KATA DR MAHATHIR

RAWANG, 4 Ogos (Bernama) -- Kejayaan Perusahaan Otomobil Kedua Sdn Bhd (Perodua) mengeluarkan 500,000 unit kenderaan serta memperkenalkan lima model kereta dalam tempoh tujuh tahun merupakan bukti keupayaan rakyat Malaysia untuk belajar dalam tempoh yang singkat, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata kebolehan Perodua menghasilkan kenderaan yang bermutu telah meningkat sejak pengeluaran pertamanya tujuh tahun lepas.

"Ini menunjukkan kita ada keupayaan belajar dalam jangka masa pendek," kata Dr Mahathir selepas melawat kilang Perodua serta melancarkan versi baru Perodua "Kelisa" di kilang pengeluar kereta nasional kedua itu di Sungai Choh di sini.

Dr Mahathir menyatakan rasa puas hati terhadap kebolehan Perodua menggunakan teknologi terkini dalam proses pembuatan kereta termasuk daripada segi Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) serta reka bentuk.

"Saya tak datang sini agak lama, sejak 1995. Saya dapati kilang ini dah cukup besar, nampak kebolehannya semakin meningkat termasuk R&D serta reka bentuk," katanya.

Mengenai model "Kelisa" yang akan dilancarkan secara rasmi pada 24 Ogos ini, Dr Mahathir berkata beliau yakin ia akan mendapat sambutan kerana reka bentuknya menarik.

Pengarah Urusan Perodua Datuk Abdul Rahman Omar berkata model Kelisa yang mempunyai empat pintu dan menggunakan enjin 1.0 twin cam akan dijual pada harga RM36,000 hingga RM39,000.

Beliau berkata tempahan bagi model itu boleh dibuat mulai Isnin ini.

-- BERNAMA

AKT KHY MAI